



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 19 TAHUN 2023**

**PINDAAN SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 18
TAHUN 2023 BERHUBUNG JADUAL KERJA PERALIHAN
PROSES KEWANGAN BAGI PENSTRUKTURAN SEMULA
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN**

Pejabat Bendahari

8 September 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (38)

8 September 2023

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 19/2023

PINDAAN SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 18 TAHUN 2023 BERHUBUNG JADUAL KERJA PERALIHAN PROSES KEWANGAN BAGI PENSTRUKTURAN SEMULA FAKULTI KEJURUTERAAN DAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkaitan **pindaan terhadap Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 18 Tahun 2023** berhubung jadual kerja peralihan proses kewangan bagi penstrukturan semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan di UTeM mengenai perubahan perwakilan kuasa kewangan seperti yang telah dinyatakan pada Perenggan 4.3.1 dan Lampiran 1 (B.3) Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 18 Tahun 2023.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan arahan penstrukturan semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang akan berkuat kuasa mulai 15 September 2023, Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 18 Tahun 2023 bagi menerangkan proses kewangan dan tarikh-tarikh penting yang perlu diberi perhatian oleh semua Fakulti yang terlibat berhubung proses penstrukturan semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.
- 2.2 Mesyuarat Penyelarasan Operasi Penstrukturan Semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Bilangan 2/2023 bersama Dekan-dekan Fakulti berkaitan telah diadakan pada 6 September 2023.

- 2.3 Sesi taklimat kepada Pentadir Fakulti bagi menerangkan proses kewangan dan tarikh-tarikh penting yang perlu diberi perhatian oleh semua Fakulti yang terlibat turut telah diadakan pada 6 September 2023.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Berdasarkan hasil perbincangan dan persetujuan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Operasi Penstrukturan Semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Bilangan 2/2023 yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), mesyuarat memutuskan agar kuasa bagi mengesahkan dokumen pembayaran selepas tempoh kuat kuasa penstrukturan yang melibatkan Pesanan Tempatan dan lain-lain pembayaran yang belum selesai bagi Fakulti sedia ada perlu **diberikan kepada Dekan Fakulti baharu.**

- 3.2 Selaras dengan keputusan yang telah dibuat tersebut, Perenggan 4.3.1 dan Lampiran 1 (B.3) Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 18 Tahun 2023 **dibatalkan dan dipinda** seperti berikut:

*“Surat Kuasa Pengesahan Dokumen Pembayaran kepada **Dekan Fakulti baharu** akan dikeluarkan pihak Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada 15 September 2023 bagi tujuan pemberian kuasa untuk mengesahkan dokumen pembayaran selepas tempoh kuat kuasa penstrukturan yang melibatkan Pesanan Tempatan dan lain-lain pembayaran yang belum selesai bagi Fakulti sedia ada. Pemberian kuasa bagi tujuan mengesahkan dokumen pembayaran ini adalah sah sehingga 31 Disember 2023.”*

4.0 PENUTUP

- 4.1 Jadual kerja proses kewangan dan tarikh akhir proses yang terlibat seperti yang dinyatakan pada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 18 Tahun 2023 selain yang dinyatakan pada Perenggan 3 Surat Pekeliling Kewangan ini adalah masih **kekal berkuat kuasa.**

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MJ/UPS/SPK19-2023